



## **Perlantikan Wanita Sebagai Hakim Syariah di Negeri Kedah**

MD ZAWAWI ABU BAKAR *CAS*  
NUR SYAKIRAN AKMAL ISMAIL  
ASMAH BEE MOHD NOOR

### **ABSTRAK**

*Pembuat dasar memberi perhatian terhadap isu untuk membentuk sesuatu dasar. Masalah perlulah dikenalpasti sebelum sesuatu dasar dibentuk. Kertas kerja ini membincangkan isu perlantikan wanita sebagai hakim di Mahkamah syariah. Untuk menganalisis isu ini kajian telah meninjau persepsi para pegawai dari Mahkamah Syariah dan Jabatan Agama Islam Negeri Kedah berkenaan isu tersebut. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi antara pegawai di Mahkamah Syariah dengan Jabatan Agama Islam berkenaan isu tersebut. Oleh itu kajian merumuskan isu perlantikan hakim di Mahkamah Syariah perlu dibincangkan dengan lebih terperinci jika kerajaan berhasrat mewujudkan dasar baru dalam perlantikan wanita sebagai hakim di Mahkamah Syariah.*

### **ABSTRACT**

*Decision makers pay more attention to some issues to develop a policy. Problem must be recognized before a policy can be made. This paper discusses the issues of woman as a judge at Syariah Court. In analyzing this issue the study explores the perception of officers at Syariah Court and Jabatan Agama Islam Negeri Kedah regarding the issues. The finding shows that there is no differences in perceptions regarding the issue between officers at Syariah Court and officers at Jabatan Agama Islam. Therefore this study concluded that the issue must be discussed further if the government to make a new policy in appointing woman as a judge in the Syariah Court.*

### **PENGENALAN**

Pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri tentang penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai kesaksamaan gender semasa pelancaran Hari Wanita 2004 memperlihatkan sikap keprihatinan kerajaan terhadap golongan wanita di negara ini. Ekoran daripada itu Perdana Menteri yang

mempengerusikan Jawatankuasa Hari Wanita 2004 telah berjanji bahawa 30 peratus jawatan sektor awam di peringkat pembuat dasar akan diisi oleh kaum wanita yang berkelayakan. Perkembangan ini tentunya melegakan kaum wanita yang selama ini memperjuangkan hak sama rata dengan kaum lelaki, khususnya peranan mereka dalam pembangunan negara. Sehubungan itu laporan akhbar menyatakan bahawa kerajaan bercadang untuk mewujudkan jawatan hakim wanita dalam sistem kehakiman di Mahkamah Syariah bagi menangani rungutan golongan wanita yang tidak berpuas hati dengan keputusan hakim lelaki. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Noh Omar berkata; "*dengan adanya hakim wanita, diharap rungutan seperti hakim lelaki bertindak berat sebelah dalam menangani sesuatu kes tidak akan kedengaran lagi*" (Utusan Malaysia, 25 Januari 2003). Jabatan Agama Islam Kelantan juga telah menyatakan kesediaan untuk melantik hakim wanita di Mahkamah Syariah di negeri Kelantan (Berita Harian 2004). Kaum wanita bukan sahaja dicadangkan untuk menjadi hakim di Mahkamah Syariah tetapi juga dicadangkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) melalui Ketua Pengarahnya Dato' Dr Abdul Monir Yaacob sebagai Timbalan Mufti.

Mohd Azam Mohamed Adil (2007) menjelaskan dalam resolusi Seminar Wanita Muslim Meniti Perubahan (Muslim Women in the Midst of Change) anjuran Forum Profesional Malaysia (MPF), ada saranan agar keputusan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan yang mengharuskan wanita Islam menjadi hakim di Mahkamah Syariah hendaklah dilaksanakan dengan segera. Pandangan ini diutarakan oleh Dekan Kuliyyah Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Profesor. Dr. Zaleha Kamaruddin, dan turut disokong oleh Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail, dan Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Profesor Datuk Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid. ([http// www. malaysianbar. org. my](http://www.malaysianbar.org.my) layari pada 11 November 2008). Selain itu dalam satu laporan akhbar negeri Perlis bakal melantik seorang wanita sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah tidak lama lagi apabila Majlis Fatwa negeri itu bersetuju untuk menerima pelantikan tersebut. Persetujuan dinyatakan ketika majlis fatwa berkenaan yang dipengerusikan Mufti Perlis, Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin. Ia juga akan menyaksikan Perlis sebagai negeri yang pertama di negara ini melantik hakim mahkamah syariah dari kalangan wanita di negara ini. Bagaimanapun, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, nama dan tarikh pelantikan hakim terbabit akan diumumkan nanti. Beliau baru berusia lingkungan 23 atau 24 tahun dan bukannya orang Perlis (Utusan Malaysia, 13 November 2007).

Bagaimanapun Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) mempertikaikan keputusan Kerajaan Perlis melantik seorang wanita berusia 24 tahun sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kangar, sekaligus

menjadi hakim syarie wanita pertama di negara ini. Presidennya Zainul Rijal Abu Bakar, berkata walaupun Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan harus bagi pelantikan wanita sebagai hakim syarie, wanita itu mesti berkelayakan dan memenuhi kriteria tertentu. Beliau berkata, pihaknya meragui kredibiliti wanita berkenaan kerana tidak mempunyai pengalaman mencukupi untuk menjadi Hakim Mahkamah Rendah Syariah. *“Untuk menjadi Hakim Mahkamah Rendah Syariah perlulah mengikut amalan yang ada sekarang, iaitu terlebih dulu berkhidmat sebagai pegawai Sulh, pegawai syariah di Biro Bantuan Guaman, penolong pendafatar atau pegawai penyelidik.”* Apabila mempunyai pengalaman yang cukup, barulah seseorang itu dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah” (<http://www.pgsm.com>. atas talian, pada 11 November 2008).

## HAKIM SYARIE MENURUT ISLAM DAN UNDANG-UNDANG

Hakim adalah seorang pegawai yang bertanggungjawab menjauhi kezaliman dan menegakkan keadilan di dalam masyarakat. Lazimnya apabila berlaku sesuatu pertikaian dalam masyarakat maka kes tersebut akan dibawa ke perbicaraan di hadapan hakim untuk mengadilinya. Untuk itu hakim mestilah membuat penghakiman dengan penuh adil dan saksama. Ia bertepatan dengan dalil al Quran yang bermaksud:

*“Dan jika engkau menghukum maka hukumlah antara mereka dengan adil kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”*

(Al Maidah 5: 42)

Di dalam Islam perlantikan atau penerimaan jawatan hakim menurut jumbuh ulama adalah fardu kifayah. Walau bagaimanapun Ibn Qudamah (t.t) membahagikan hukum tersebut kepada lima iaitu:

- i- fardu ain: apabila tidak ada orang lain yang lebih layak. Menyerahkan tugas kepada orang yang tidak layak bakal mendedahkan masyarakat kepada unsur-unsur kerosakan dan kebinasaan.
- ii- haram: orang yang tidak mempunyai kelayakan dan syarat yang diperlukan dikhuatiri gagal melakukan tugas kehakiman secara adil.
- iii- Makruh: orang berkelayakan meminta menjadi hakim sedangkan di waktu yang sama ada orang yang lebih layak daripadanya.
- iv- Sunat: seseorang yang lebih berkemampuan daripada orang itu untuk mengendalikan tugas kehakiman.
- v- Harus: apabila terdapat ramai orang yang berkelayakan di suatu tempat. Seseorang berhak memilih samada mahu menjawat atau sebaliknya jawatan hakim.

Para fuqaha juga telah membincangkan mengenai syarat perlantikan hakim, yang di antaranya ialah Islam, mukallaf, merdeka, lelaki, adil, mendengar, melihat, boleh bercakap, berkemampuan dan mestilah seorang yang mujtahid (Syed Agil Barakbah. 2000). Daripada syarat-syarat yang dikemukakan di atas, syarat hakim syarie dilantik di kalangan lelaki dilihat membataskan cadangan perlantikan wanita sebagai hakim. Bagaimanapun terdapat dua pandangan fuqaha terdahulu iaitu membolehkan wanita dilantik sebagai hakim dan pendapat yang lain pula ialah tidak membenarkan wanita dilantik sebagai hakim. Namun demikian perbincangan pengkaji fiqh komtemporari lebih menerima pendapat untuk melonggarkan syarat perlantikan hakim di kalangan wanita, meskipun ada sebahagian pengkaji yang masih berpegang ijthad fuqaha terdahulu dengan tidak membenarkan wanita dilantik sebagai hakim. Sebaliknya bagi penyelidik fiqh kontemporari yang menyokong wanita dilantik sebagai hakim mesyaratkan hakim wanita hanya terbatas dalam kes-kes tertentu sahaja ataupun berdasarkan *al wilayah al khassah*. Menurut Mohd Shafie Ngah (1997), wanita boleh menjawat sebarang jawatan bagi kategori *wilayah khassah* atau *wilayah ammah*. Profesion wilayah khassah (khusus) adalah seperti doktor, wakil rakyat, hakim dalam kes-kes keluarga, takzir manakala profesion *ammah* (umum atau nasional) seperti Perdana Menteri, menteri, hakim kes *qisas*, *hudud* dan lain-lain.

Manakala ulama muktabar Imam Abu Hanifah berpendapat wanita boleh menjadi hakim dalam kes yang boleh menerima kesaksian wanita (Raihanah Abdullah, 1999). Oleh itu wanita tertolak sebagai hakim di dalam kes-kes hudud dan qisas, kerana wanita tidak boleh memberi kesaksian "*shahadah*" bagi kes-kes tersebut. Sementara bagi Ibn Jarir dan Ibn Hazmi pula membenarkan wanita menjadi hakim secara mutlak berdasarkan kemampuan (Abdul Monir Yaacob, 1993). Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kemampuan wanita dijadikan ukuran di dalam perlantikan sebagai hakim syarie di Mahkamah Syariah. Oleh itu, memandangkan isu perlantikan wanita sebagai hakim telah dibincangkan oleh fuqaha muktabar maka hukumnya bukanlah daripada hukum *qatie* (putus). Jadi perlantikan wanita sebagai hakim masih mempunyai ruang perbincangan di kalangan fuqaha hari ini.

Di Malaysia hakim syarie merupakan pegawai mahkamah yang terlibat dalam sistem kehakiman syariah. Mereka mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes di bawah peruntukan Mahkamah Syariah negeri-negeri. Justeru itu, setiap negeri telah menggubal Enakmen Mahkamah Syariah negeri bagi tujuan pentadbiran Mahkamah Syariah. Hakim syarie merujuk kepada Enakmen Mahkamah Syariah 1993, Negeri Kedah iaitu Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang dilantik di bawah seksyen 6 tetapi tidak termasuk Hakim Mahkamah Rendah Syariah yang dilantik di bawah seksyen 7. Mahkamah Syariah ertinya Mahkamah Rendah Syariah,

Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah seksyen 3. Syarat dalam perlantikan Ketua Hakim Syarie (L 1) menurut Seksyen 4 (2) ) Enakmen Mahkamah Syariah 1993 ialah:

- a) dia seorang warga negara Malaysia; dan
- b) dia-
  - i) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum perlantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadi atau Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah atau Pendakwa Syarie di Negeri Kedah Darul Aman atau pada suatu masa memegang mana-mana satu yang lain memegang mana-mana yang lain pula; atau
  - ii) seorang yang arif tentang Hukum Syarak.

Manakala syarat bagi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah (L 2) (Seksyen 6 (3) Enakmen Mahkamah Syariah 1993) ialah;

- a) dia seorang warga negara Malaysia; dan
- b) dia-
  - i) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum perlantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Kadi atau Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah atau Pendakwa Syarie di Negeri Kedah Darul Aman atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula; atau
  - ii) seorang yang arif tentang Hukum Syarak.

Justeru itu daripada kandungan Enakmen Mahkamah Syariah Kedah 1993, jelas menunjukkan bahawa tiada syarat calon Ketua Hakim Syarie atau Hakim Mahkamah Tinggi Syariah adalah lelaki. Kenyataan ini juga merupakan intipati kajian oleh Raihanah Abdullah (1999). Ini menunjukkan masih ada ruang di dalam Enakmen ini terhadap cadangan perlantikan wanita sebagai Hakim Syarie di Mahkamah Syariah. Justeru itu, wanita yang berkemahiran dan berpengalaman sebagai peguam syarie kanan, Pendaftar Mahkamah Syariah, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah adalah layak dipertimbangkan sebagai hakim syarie. Sehubungan itu Raihanah Abdullah (1999) memetik pendapat Mahmud Saedon Awang Othman (1989) iaitu:

*“Keadaan yang wujud hari ini dan keperluan masyarakat Islam masa kini adalah asas kepada pemilihan pendapat Ulama yang mungkin dapat kita terima dan amalkan. Oleh itu pandangan mazhab Hanafi yang sederhana boleh membantu menyelesaikan perlantikan wanita sebagai Kadi/Hakim dewasa ini.”*

Jika dilihat kepada amalan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia pada hari ini menunjukkan perbezaan yang besar. Mahkamah Syariah di Kedah khususnya hanya mempunyai bidang kuasa dalam undang-undang keluarga melalui Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979, Undang-Undang Mal (Seksyen 9 (b) Enakmen Mahkamah Syariah Kedah 1993) dan jenayah Syariah (bukan kesalahan *hudud* dan *qisas*) iaitu kesalahan di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1962, Enakmen Keluarga Islam 1979, Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 (Seksyen 10 (2) Enakmen Mahkamah Syariah Kedah 1993).

Sehubungan itu berdasarkan syarat-syarat perlantikan hakim syarie serta bidang kuasa Mahkamah Syariah yang diamalkan pada hari ini jelas menunjukkan bahawa cadangan perlantikan wanita sebagai hakim syarie mempunyai asas kekuatan untuk dilaksanakan di negara ini. Bahkan Majlis Fatwa Kebangsaan yang merupakan institusi tertinggi dalam menangani isu-isu dan persoalan berkaitan agama Islam telah memutuskan harus wanita Islam menjadi hakim di Mahkamah Syariah dengan syarat memiliki kebolehan, kewibawaan, kelayakan dan pengalaman luas dan tidak pula mengadili kes-kes *hudud* dan *qisas* (keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan 6 April 2006). (Mohamed Azam Mohamed Adil, 2007; <http://www.malaysianbar.org.my> layari 11/11/08). Terdapat beberapa kajian oleh ahli akademik dan ahli perundangan berhubung dengan kajian yang dilakukan. Antaranya Syed Agil Barakbah (2000) menyatakan bahawa hakim berasal dari perkataan Arab yang bermaksud seorang yang membuat keputusan atau menjatuhkan hukuman dalam sesuatu kes yang dibicarakan dihadapannya. Kadi atau hakim adalah dua istilah yang telah diguna pakai di Malaysia. Kini istilah Kadi telah ditukar kepada Hakim Syarie di Mahkamah Syariah bagi sesetengah negeri. Manakala Kadi digunakan di dalam hal-hal kemasyarakatan Islam seperti nikah kahwin, faraid dan sebagainya. Sebagai individu yang bertanggungjawab di dalam keadilan maka Hakim Syarie mestilah mempunyai etika sebagai seorang hakim. Ahmad Ibrahim (2000) dalam artikelnya "*Hakim, Pegawai Undang-undang, Pegawai Hal Ehwal Islam*" memetik *adab al Qadi* antaranya;

- a) menghukum dalam keadaan tenang-tidak dalam keadaan marah, tidak terlalu lapar, mengantuk dan keterlaluan, terlalu dukacita atau terlalu gembira;
- b) tidak boleh terpengaruh oleh orang-orang sekeliling;
- c) memberi layanan sama;
- d) cuba mendamaikan sebelum menjatuhkan hukuman;
- e) memuliakan saksi;
- f) tidak memanjangkan perbicaraan.

Sebenarnya keadilan adalah prinsip utama kehakiman Islam. Ini berdasarkan firman Allah swt yang bermaksud;

*“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah ahlinya dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia, hendaklah kamu menetapkan dengan adil.”* (Al-Nisa 4: 58)

Oleh itu Hakim Syarie mestilah berpegang kepada matlamat syariah iaitu mewujudkan keadilan. Hal ini menjadi persoalan di Malaysia mengenai perlantikan wanita sebagai Hakim Syarie kerana ditakuti mewujudkan ‘bias’ di dalam penghakiman. Jika diteliti kajian lepas sememangnya diakui terdapat perbincangan mengenai wanita dan kehakiman Islam. Bahkan lebih daripada itu telah ada perbincangan yang memfokuskan penglibatan wanita dalam arena politik sebagai pemimpin negara. Sebenarnya tanggungjawab sebagai pemimpin negara adalah jauh lebih besar berbanding hakim di mahkamah. Jika hakim memutuskan penghakiman untuk individu sebaliknya pemimpin negara memutuskan keputusan untuk rakyat seluruh negara. Mohd Shafie Ngah (1996) di dalam kajian beliau terhadap pandangan Islam berdasarkan *Siyasah Syariyyah* mengenai wanita sebagai pemimpin. Di akhir kajian ini beliau berpendapat wanita boleh menjadi pemimpin dalam semua keadaan. Keadaan tersebut merangkumi pemimpin dalam *wilayah ammah* dan *khassah*. Berbalik kepada persoalan Hakim Syarie sekiranya wanita boleh menjadi pemimpin negara mereka boleh menjadi hakim memandangkan tanggungjawab pemimpin adalah jauh lebih berat jika dibandingkan dengan tugas sebagai hakim.

Kajian Raihanah Abdullah (1999) membicarakan tentang persoalan hukum dan pandangan Islam terhadap perlantikan wanita sebagai hakim di Mahkamah Syariah. Kajian ini juga merujuk kepada realiti dan keperluan semasa terhadap wanita sebagai Hakim Syarie di Mahkamah Syariah. Beliau juga bersetuju bahawa wanita dilantik sebagai hakim berdasarkan realiti dan keperluan semasa yang membabitkan keperluan untuk golongan wanita. Bahkan menurut Haron Din (1997), dalam bidang kemanusiaan Islam tidak membezakan antara lelaki dan wanita. Kedua-duanya adalah sama di sisi Allah swt. Manakala dalam hubungan sosial wanita sama-sama berhak terhadap ganjaran baik atau buruk. Begitu juga dalam aspek ekonomi, wanita bebas untuk memiliki, berbelanja dan sebagainya. Tiada larangan dalam agama Islam untuk wanita terlibat dalam apa jua bidang sama ada untuk menjadi guru, doktor, kerani, peguam dan sebagainya demi tuntutan keperluan negara dan keperluan hidup. Oleh itu jelaslah wanita dan lelaki adalah sama di sisi Islam. Mereka sama-sama berhak dalam kehidupan. Wanita boleh bergiat dalam apa jua bidang namun mestilah mengikut landasan Islam. Firman Allah swt yang bermaksud;

*“Hai manusia, sesungguhnya Kami menjadikan kamu dari laki-laki dan perempuan (bapa dan ibu), dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa (bermacam-macam umat) dan bersuku-suku, supaya kamu berkenalan-kenalan. Sesungguhnya orang yang termulia diantara kamu disisi Allah, ialah orang yang lebih taqwa. Sungguh Allah Maha Mengetahui lagi Maha Amat Mengetahui.” (Al Hujurat 49: 13).*

Ismail Ibrahim (2000) berpendapat wanita boleh bergiat dalam semua bidang. Namun demikian mestilah mampu menjaga nama baik, maruah dan kerukunan rumahtangga. Dalam apa bidang sekalipun penglibatan wanita Islam mestilah mengikut batasan syarak. Menurut Andek Masnah Andek Kelawa (1999), dalam penulisan beliau berhubung dengan penglibatan wanita dalam politik, wanita boleh berperanan sebagai pengundi atau sebagai wakil rakyat di Malaysia. Di akhir penulisan tersebut beliau berpendapat bahawa wanita harus bergiat dalam politik tetapi mestilah terbatas kepada had-had tertentu. Antaranya ialah:

- i. Terikat dengan batas-batas yang ditetapkan syarak seperti pergaulan dan cara berpakaian.
- ii. Seimbang antara kerjaya dan pengurusan rumahtanga dan anak-anak.
- iii. Amanah yang dipikul hendaklah dilakukan sebaik-baiknya.
- iv. Menjaga identiti kewanitaan sebagai ibu, isteri atau anak gadis.

Oleh itu dapatan kajian lepas menunjukkan terdapat perbincangan hukum mengenai wanita samada di dalam kehakiman, politik dan lain-lain. Signifikan kajian yang telah dilakukan ialah mengkaji persetujuan pegawai Mahkamah syariah dan pegawai Jabatan Agama Islam di Kedah terhadap perlantikan wanita sebagai hakim syariah.

### OBJEKTIF

Secara umum kajian ini bertujuan untuk menganalisis cadangan perlantikan wanita sebagai hakim syariah di negeri Kedah. Secara khusus kajian ini dilakukan untuk:

1. untuk menganalisis ciri-ciri profil sosiodemografi pegawai agama dan pegawai mahkamah syariah.
2. untuk mengenalpasti perbezaan pendapat mengenai cadangan perlantikan hakim wanita di antara pegawai agama dan pegawai mahkamah syariah.



## **METODOLOGI**

Kajian secara bertujuan telah dilakukan di 11 daerah di negeri Kedah. Populasi kajian ialah semua pegawai agama dan pegawai mahkamah syariah di 11 daerah di negeri Kedah. Jumlah mereka ialah seramai 35 orang. Responden terdiri daripada pegawai agama yang berkemahiran dalam hukum syarak serta pegawai syariah yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran dan perundangan Islam di Mahkamah Syariah di negeri Kedah. Mereka ini ialah populasi dan sekaligus responden bagi kajian ini. Data yang dikumpulkan melalui soal selidik di analisis secara deskriptif, iaitu dengan cara menghitung kekerapan, peratusan, min atau median dimana yang perlu.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Ciri-ciri profil sosio demografi pegawai agama dan pegawai mahkamah syariah**

Kajian profil sosio demografi menunjukkan bahawa 23 orang atau 65.6% adalah pegawai dari Jabatan Agama Islam, manakala 12 orang atau 34.3% adalah dari Mahkamah Syariah. Sebanyak 74.2% adalah responden lelaki dan 25.8% adalah responden wanita. Kekerapan responden mengikut umur menunjukkan majoriti responden adalah dalam lingkungan umur 26-29 tahun iaitu seramai 13 orang atau 37.1% dan lingkungan umur 30-37 tahun iaitu 14 orang atau 40%. Taburan responden dari sudut pendidikan ialah 68.6% berpendidikan ijazah sarjana muda, 22.8% ialah diploma dan diikuti 5.7% ijazah sarjana. Seterusnya taburan responden mengikut pengalaman ialah majoriti responden kajian mempunyai pengalaman 2-7 tahun iaitu 51.4% dan diikuti 31.4% mempunyai pengalaman 8-13 tahun.

### **Pendapat mengenai cadangan perlantikan hakim wanita di antara pegawai agama dan pegawai mahkamah syariah**

Kajian didapati kebanyakan responden bersikap neutral/tidak pasti terhadap isu perlantikan wanita sebagai hakim di Mahkamah Syariah.. Hasil kajian menunjukkan, seramai 52.9% pegawai di Jabatan Agama bersikap neutral dan 31.4% daripada Mahkamah Syariah bersikap neutral ataupun tidak menyatakan secara jelas mereka bersetuju ataupun tidak. Hanya 14% secara keseluruhannya bagi kedua-dua jabatan yang tidak bersetuju dengan isu tersebut. Ini menunjukkan mereka tidak menyatakan penentangan terhadap cadangan tersebut. Sebaliknya dalam satu soalan lain berkenaan pendapat isu tersebut perlu diperbahaskan atau tidak, hasil kajian menunjukkan majoriti responden berpendapat isu ini perlu dibahaskan lagi. Seramai 70.6% bersetuju

agar isu tersebut dibahaskan lagi. Hanya 26.5% secara keseluruhannya tidak bersetuju isu itu dibahaskan. Oleh itu majoriti responden bersetuju isu ini dibincangkan dengan lebih mendalam lagi dan diandaikan mereka menunjukkan sikap keterbukaan mereka terhadap cadangan perlantikan wanita sebagai hakim di Mahkamah Syariah. Berdasarkan hukum syarak majoriti responden iaitu seramai 53% berpendapat perlantikan wanita di Mahkamah Syariah tidak bertentangan dengan syarak. Ini menunjukkan persepsi pegawai agama yang mahir dalam hukum syarak dan pegawai yang terlibat secara langsung dalam perundangan Islam dapat menerima cadangan awal perlantikan wanita sebagai hakim tetapi mestilah dibincangkan secara mendalam lagi sebelum hasrat ini dilaksanakan.

Kajian ini juga mendapati, masih terdapat ruang perlantikan wanita sebagai hakim di Mahkamah Syariah. Sebanyak 31.5% bersetuju apabila kerajaan bercadang untuk melantik wanita sebagai hakim di Mahkamah Syariah. Manakala seramai 48.6% menyatakan perlantikan hakim wanita di Mahkamah Syariah tidak bertentangan dengan syarak. Seramai 68.5% secara keseluruhannya berpendapat isu ini perlu diperbahaskan lagi. Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa pandangan dikalangan responden yang arif dalam hukum agama dan berkemahiran dalam perundangan berpendapat cadangan tersebut boleh menjadi realiti. Bahkan baru-baru ini kerajaan negeri Kelantan bercadang melantik wanita sebagai hakim di Mahkamah Syariah (Berita Harian, Julai 2004). Ini merupakan perkembangan yang positif berhubung cadangan yang dikemukakan oleh Datuk Noh Omar suatu ketika dahulu. Namun demikian, menurut laporan akhbar tersebut perbicaraan oleh hakim wanita mestilah disertai bersama seorang hakim lelaki. Walaupun masih terdapat kekangan berhubung cadangan tersebut ia seharusnya dilihat secara positif sebagai langkah awal menjayakan cadangan yang sejak sekian lama dibangkitkan oleh kaum wanita di negara ini.

Langkah melantik wanita sebagai hakim bukanlah perkara baru kerana negara Sudan contohnya, telah melantik wanita sebagai hakim sejak tahun 70-an (Raihanah Abdullah, 1999). Menurut Raihanah Abdullah (1999) lagi, perlantikan wanita sebagai hakim bukanlah hukum yang muktamad atau diputuskan secara ijmak. Ini menunjukkan bahawa, amalan perlantikan hakim wanita bukanlah suatu yang diluar kebiasaan. Bahkan amalan di dalam undang-undang sivil di negara ini telah lama melantik wanita sebagai hakim. Bahkan mereka juga turut terlibat dalam penghakiman bagi jenayah berat termasuklah bagi kesalahan kes bunuh, rogol dan sebagainya. Namun demikian tidak pernah timbul keraguan atau persoalan "bias' gender atau kekurangan dalam penghakiman yang dibuat oleh hakim wanita. Malahan, jika ada ketidakpuasan hati terhadap keputusan mahkamah terutamanya bagi penghakiman oleh hakim wanita, maka pesalah boleh mengemukakan rayuan

kepada mahkamah yang lebih tinggi. Justeru itu, prosedur rayuan bagi sesuatu penghakiman yang diputuskan dapat mengelakkan perasaan tidak puas hati di atas keputusan mahkamah. Proses ini bukan sahaja melibat penghakiman oleh hakim wanita tetapi juga hakim lelaki. Adalah menjadi amalan kelaziman di mahkamah apabila keputusan sesuatu mahkamah rendah seperti Mahkamah Majistret atau Mahkamah Seksyen akan di bawa ke peringkat mahkamah yang lebih tinggi seperti Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan.

Hukum melantik wanita sebagai hakim atau pemerintah merupakan hukum *zanni* iaitu masih boleh dibahaskan lagi dan bukannya hukum *qatie* (putus). Justeru itu, perbincangan secara panjang lebar telah dilakukan oleh fuqaha terdahulu di mana terdapat pendapat yang membolehkan wanita dilantik sebagai hakim dan ada pendapat yang menentangnya. Namun demikian hukum tersebut dibuat berdasarkan perbincangan keadaan zaman tersebut. Kini, penyelidik-penyelidik kontemporari telah membuat kajian semula dan menyimpulkan bahawa wanita boleh dilantik sebagai hakim dan juga boleh terlibat dalam bidang-bidang lain seperti ahli politik, badan pembuat dasar negara dan sebagainya. Ini merupakan realiti zaman kini dimana wanita dinilai berdasarkan kepada keupayaan, kebijaksanaan dan bukannya atas sifat lemah lembut yang merupakan sifat semulajadi mereka. Adalah tidak adil jika sekiranya jawatan hakim diberikan kepada kaum lelaki semata-mata kerana kekelakiannya meskipun dari segi kelayakan dan kepakaran wanita lebih layak. Namun demikian, bukanlah bererti cadangan melantik wanita sebagai hakim akan menyebabkan kaum lelaki tertolak ke tepi. Sebaliknya jika ada kaum lelaki yang nyata berkelayakan dan berkepakaran maka semestinya diutamakan kaum lelaki kerana ia lebih *afdhal*.

Peruntukan undang-undang yang sedia ada jelas tidak menghalang perlantikan hakim di kalangan wanita. Cumanya, syarat-syarat perlantikan hakim di dalam Islam sahaja mewajibkan hakim mestilah lelaki. Walaubagaimana pun situasi hari ini berbeza dengan di zaman keagungan Islam di mana bidang kuasa undang-undang Islam yang diberi merangkumi kes *hudud*, *qisas* dan *taazir*. Sebaliknya bidang kuasa Mahkamah Syariah yang dipraktikkan hari ini hanyalah dalam hal-hal kekeluargaan Islam dan undang-undang diri sahaja. Ia tidak melibatkan hukuman berat seperti hukuman mati mandatori dan jenayah berat seperti bunuh, rogol dan sebagainya. Ia berbeza dengan undang-undang di zaman keagungan Islam dimana mahkamah bertanggungjawab membicarakan semua kesalahan samada *hudud*, *qisas* atau *takzir*. Dengan ini, pendapat fuqaha muktabar yang menentang perlantikan hakim wanita bagi kes *hudud* dan *qisas* tidak termaktub sebagaimana bidang kuasa Mahkamah Syariah yang digunapakai di negara ini. Selain itu struktur Mahkamah Syariah pada hari ini terdiri daripada Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Amalan ini secara

tidak langsung boleh menghilangkan was-was atau mengelakkan tuduhan 'bias' dalam penghakiman jika dikendalikan oleh hakim wanita. Ini kerana ketidakpuasan hati terhadap penghakiman yang dibuat oleh hakim wanita boleh dirayu kepada mahkamah yang lebih tinggi yang dihakimi pula oleh hakim lelaki. Prosedur ini menunjukkan isu hakim wanita 'bias' kepada kaum perempuan tidak sepatutnya timbul.

### KESIMPULAN

Sebenarnya kerajaan mencadangkan apa jua dasar baru adalah untuk kebajikan semua golongan rakyat. Cadangan melantik wanita sebagai hakim di Mahkamah Syariah atau sebagai Timbalan Mufti bukanlah berasaskan persoalan gender yang dipersoalkan. Sebaliknya ia lebih memfokuskan kepada kelayakan dan kredibiliti wanita pada hari ini. Justeru cadangan oleh kerajaan Persekutuan dan langkah awal yang ditunjukkan oleh kerajaan negeri Kelantan atau Perlis untuk melantik hakim wanita di Mahkamah Syariah sebagai langkah yang dapat meningkatkan keadilan di dalam masyarakat. Apa yang pasti bukan persoalan gender yang harus dibangkitkan berhubung cadangan ini. Sebaliknya persoalan yang harus diteliti ialah bagaimanakah imej dan prestasi sistem kehakiman Islam dapat dipertingkatkan.

### RUJUKAN

#### Al Quran

- Abdul Monir Yaacob. (1993). Struktur, taraf, kedudukan kakitangan Mahkamah Syariah, *Jurnal Institut Kefahaman Islam Malaysia*, Jil. 1.
- Ahmad Ibrahim. (2000). Hakim, pegawai undang-undang, pegawai hal ehwal Islam, perspektif dan cabaran, dlm. Ahmad Ibrahim (pnyt.), *Al Ahkam Jilid 5 - Penghakiman dan kepeguaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andek Masnah Andek Kelawa. (1999). Penglibatan wanita di arena politik Malaysia kini, dlm. Abdul Karim & Raihanah Hj Azhari (pnyt.), *Hukum Islam semasa bagi masyarakat Malaysia yang membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Haron Din. (1997). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hibah Rauf Izzat. (1997). *Penglibatan wanita dalam politik mengikut perspektif Islam*. Bahruddin Fannani. (Terj) Selangor: Dar al Hijrah.

- Ismail Ibrahim. (2000). Kedudukan wanita dalam Islam, dlm. Siti Fatimah Abdul Rahman (pnyt.) *Permartaban wanita di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Kaulah Abdul Latief al-Atiqi. (1997). *Wanita Islam hari ini: Kerja dan fungsinya*” Abu Noor Abu Samah (terj), Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Mohd Shafie Ngah. (1996). Perlantikan wanita sebagai ketua (pemimpin): Satu perbincangan daripada perspektif siyasah syariyyah. *Jurnal Syariah*, Jilid 4 Bil 2: 257- 261.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2007) Rasional lantik hakim syarie wanita, atas talian <http://www.malaysianbar.org.my>, 11 November 2008.
- Raihanah Abdullah. (1999). Pegawai syariah wanita di mahkamah-mahkamah syariah di Malaysia, dlm. Abdul Karim & Raihanah Hj Azhari (pnyt.), *Hukum Islam semasa bagi masyarakat Malaysia yang membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syed Agil Barakbah. (2000). Hakim dan penghakiman, dlm. Ahmad Ibrahim (pnyt.) *Al Ahkam Jilid 5 - Penghakiman dan kepeguaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (2007). “Perlis sedia lantik wanita hakim syariah”. Utusan Malaysia, November 13.
- \_\_\_\_\_. (2007). “Persatuan Peguam Syarie (PGSM) pertikai Perlis lantik hakim wanita”. November 15, atas talian, <http://www.peguamsyarie.blogspot.com/2007/12/pgsm>, 11 November 2008.

Md Zawawi Abu Bakar  
Asmah Bee Mohd Noor,  
Prof. Madya  
Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia,  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok, Kedah, MALAYSIA  
zawawi@uum.edu.my

Nur Syakiran Akmal Ismail  
Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang,  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok, Kedah, MALAYSIA